

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 DECEMBER 2016

Buang masa layan kerenah Dr. M

UM - 28/12/2016

KUALA LUMPUR 27 Dis. - Tuduhan Tun Dr. Mahathir Mohamad kononnya Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) adalah satu rasuah sebenarnya merupakan taktik bekas Perdana Menteri itu untuk mengalihkan perhatian orang ramai terhadap masalah dalaman Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).


Setiausaha Agung Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub berkata, dengan menjadikan BR1M mangsa politik, Dr. Mahathir mengharap komen balas pemimpin kerajaan dan melaluinya, bekas Perdana Menteri itu berterusan mendapat publisiti sehingga akhirnya rakyat terlupa isu dalaman PPBM.

Sehubungan itu, katanya, adalah tidak perlu bagi pemimpin kerajaan membuang masa melayan kerenah Dr. Mahathir, sebaliknya masa yang ada perlu dimanfaatkan sepenuhnya untuk mendekati orang ramai

kerana pada akhirnya rakyat yang menjadi penentu dalam pilihan raya.

“Dr. Mahathir sebenarnya kecewa dengan kegagalannya menjatuhkan Perdana Menteri. Paling belia kecewa PPBM yang baharu ditubuhkan sudah pun dilanda masalah. Jadi untuk mengalih isu dalaman PPBM, beliau keluaran ‘fatwa’ mengenai BR1M. Soalnya, sejak bila beliau menjadi ahli majlis fatwa?”

“Jadi biarkanlah beliau dengan kerenahnya itu, tidak perlu diberi reaksi balas kerana Veteran UMNO yakin rakyat sudah bosan dengan kerenah beliau yang tidak habis-habis menye-



MUSTAPHA YAAKUB

rang serta memburuk-burukkan kerajaan dan kepimpinan UMNO,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mustapha dalam pada itu berkata, tuduhan liar ke atas BR1M bukanlah sesuatu yang asing bagi Dr. Mahathir kerana beliau sebelum ini pun turut

menuduh kononnya kerajaan menggadaikan negara kepada China selepas Perdana Menteri berjaya membawa masuk pelaburan bernilai RM143 bilion.

“Sebab itulah Veteran UMNO berharap kerajaan dan kepimpinan UMNO jangan membuang masa melayan kerenah Dr. Mahathir. Teruskan program yang dirancang untuk kepentingan rakyat dan negara,” katanya.